

Season Three: The Land

Narration / Voice Over	Visual/ Effect
<p data-bbox="188 527 415 569">EPISOD 35</p> <p data-bbox="188 632 639 674">NABI SULAIMAN (2)</p> <p data-bbox="188 743 363 785">SUARA:</p> <p data-bbox="188 854 789 1873">ZAMAN PEMERINTAHAN SULAIMAN BOLEH DIKATAKAN ZAMAN KEMUNCAK PERTIKAIAN DI ANTARA IBRANI DAN BANGSA ARAB. INI PERNAH DISEBUT OLEH MOSUL (موسل) BAHAWA YANG DIMAKSUDKAN ORANG-ORANG ARAB YANG HAMPIR DENGAN الكوشيين ADALAH YANG MENETAP DI BEBERAPA BAHAGIAN DI PALESTIN, DI ANTARANYA; DI BAHAGIAN BARAT TUR SINA SEMPADAN MESIR, SELATAN TUR SINA YANG BERHAMPIRAN DENGAN</p>	

ELAT, MENGIKUT BELIAU
LAGI TANAH TUR SINA
ITU ADALAH MILIK
BANGSA ARAB,
DALILNYA TERDAPAT
TULISAN-TULISAN
DALAM BENTUK
MISMARIYAH YANG
MENCERITAKAN
TENTANG RAJA-RAJA
ARAB YANG
MEMERINTAH WILAYAH
INI (MUSIL HEGAZ, THE
UNIVERSITY JEW. ENC, P.
274)1/6/2016

MANAKALA D.S
MARGOLIOUT
BERPENDAPAT BAHAWA
ORANG-ORANG PALESTIN
TELAH MENOLONG
BANGSA ARAB INI
MEMERANGI WILAYAH
YAHUZA YANG
DIPERINTAH OLEH RAJA
IZZIAH (779-740 SM),
MARGOLIOUT
MENGESAHKAN BAHAWA
ORANG-ORANG PALESTIN
MERUPAKAN PENDUDUK

ASAL SEPANJANG LAUT PALESTIN. (MARGOLIOUT, THE RELATION P.52) KENYATAAN INI JUGA DIPERSETUJUI OLEH JAMES HASTING (THE DICTIONARY OF THE BIBLE P. 407). BUKAN SAJA YAHUZA YANG DIPERANGI OLEH BANGSA ARAB DAN PALESTIN MALAH MEREKA JUGA MEMERANGI RAJA SARGON DAN ASHDOK. SETELAH MEMENANGI PEPERANGAN TERSEBUT MEREKA TELAH MEMBINA BANDAR BARU SEPANJANG LAUT DI NEGARA PALESTIN INI. SELAIN ITU TEMPAT YANG TERKENAL YANG PERNAH DIDUDUKI ARAB ADALAH جور بعل NAMUN BEGITU PERKATAAN INI TIDAK DISEBUT OLEH TAURAT TAPI DISEBUT مسكن بعل, IAITU LAFAZ جور بعل BERMAKNA مسكن.

MANAKALA MUSIL
HEGAZ BERPENDAPAT
جوربعل TERLETAK
BERHAMPIRAN TEMPAT
YANG BERNAMA رم ATAU
ARAMAUA
SEBAGAIMANA DISEBUT
DI DALAM PETA
GEOGRAFI BATLOMEOW
KAWASAN INI
BERSEMPADAN DENGAN
KAWASAN UTARA HIJAZ.
ADAPUN MENGIKUT
CATATAN GREEK
BAHAWA جوربعل INI
TERLETAK DI PETRA DAN
MERUPAKAN PENDUDUK
TETAP DI SANA ADALAH
ARAB.

KETIKA ZAMAN NABI
SULAIMAN
PETEMBUNGAN TELAH
BERLAKU DI ANTARA
BANGSA PALESTIN
BERSERTA ARAB DENGAN
RAJA IZZIAH DARI
YAHUDA. NAMUN BEGITU
KETIKA PEMERINTAHAN
RAJA HEZKIAL YANG

DATANG SELEPAS RAJA
IZZIAH, BELIAU TELAH
BERGABUNG DENGAN
BANGSA ARAB UNTUK
MEMPERTAHANKAN BAIT
AL-MAQDIS DI
JERUSALEM KETIKA
SERANGAN KERAJAAN
ASYURIA . BANGSA ARAB
INI TIDAK LAIN
MELAINKAN MEREKA
YANG MENETAP DI
WILAYAH YAHUZA YANG
MANA MEREKA TERDIRI
DARI PENDUDUK TETAP
BUMI YAHUZA SELAIN
DARI BANGSA IBRANI
DAN BANGSA PALESTIN
ITU
SENDIRI.(LUCKENBILL, 11,
P.240, A.R. BURN, PERSIA
AND THE GREEKS, P.21).

SELEPAS KEWAFATAN
SULAIMAN A.S
PERTELINGKAHAN
ANTARA BANGSA ARAB
DAN PEMERINTAH DI
WILAYAH YAHUZA INI
BERTERUSAN INI

DIHANGATKAN LAGI
DENGAN KEHADIRAN **جشم**
بن شهر، وسنلبط الحوروني، وطوبيا
العبد العموني YANG MANA
TAURAT PERNAH
MENYEBUT BAHAWA
MEREKA INI TERDIRI
DARI KETURUNAN RAJA-
RAJA ARAB DARI
KABILAH QAYDAR.
MEREKA INI PERNAH
MENENTANG NAHEMIAH
DI WILAYAH YAHUZA
SEKITAR 444 SM
DISEBABKAN PEMBINAAN
PAGAR DI JERUSELAM
YANG MEMISAHKANNYA
DENGAN WILAYAH
YAHUZA. (**نحميا، الأصحاح**
السادس، الآية 2 فما بعدها
BOLEH DIKATAKAN
BAHAWA PERCUBAAN
UNTUK MEMBINA
NEGARA ISRAEL SUDAH
BERMULA DARI AWAL
SEMENJAK KELAHIRAN
NABI-NABI DI BUMI
PALESTIN LAGI.
SEMENJAK PEPERANGAN
DENGAN NAHEMIAH INI

MAKA HUBUNGAN
DENGAN ANTARA
BANGSA ARAB DAN
IBRANI INI TEGANG,
BANGSA IBRANI MELIHAT
ARAB SEBAGI MUSUH
MEREKA DAN BERJANJI
AKAN MEMUSUHI
BANGSA ARAB SELAMA-
LAMANYA, MANAKALA
PIHAK ARAB PULA HABIS-
HABISAN MENENTANG
PEMBENTUKKAN NEGARA
YAHUDI
INI.(MARGOLIOUTH, P.48,
HASTING , P.406, ENC.
BIBLI. 1, P.273). KEADAAN
INI BERTERUSAN
SEHINGGALAH
PERLANTIKKAN YAHUZA
AL-MACCABE PENGASAS
MACCABEES DARI 166-
161SM YANG MEMERANGI
MUSUH-MUSUH BANGSA
IBRANI (HASTING, A
DICTIONARY P. 936). DI
ANTARA MEREKA YANG
MENENTANG IBRANI DI
NEGARA YAHUDI INI
ADALAH TIMOTHEUS

MERUPAKAN KETUA
ORANG-ORANG
AMMONITE YANG TELAH
BERPAKAT DENGAN
BANGSA ARAB BAGI
MEMERANGI KETURUNAN
MACCABEES INI .

PERKARA INI TELAH
DISEBUT DALAM سفر المكابيين
BAHAWA SESIAPA YANG
MEMERANGI BANGSA
YAHUDI AKAN GAGAL
DAN TIDAK MUNGKIN
AKAN MENANG SELAMA-
LAMANYA. (المكابيون الأول،
الأصحاح الخامس، الآية 6 فما بعدها،
المكابيون الثاني الأصحاح الثامن، الآية
30، الأصحاح التاسع الآية 3، الأصحاح
العاشر الآية 24 فما بعدها-جواد علي
ص 649)

SELAIN ITU TAURAT ADA
MENYEBUT BEBERAPA
NAMA ARAB
BANGSAWAN SEPerti
زبدئيئل YANG MENETAP DI
ديار العرب TERLETAK DI
PENDALAMAN SYRIA
MERUPAKAN KETUA
BANGSA ARAB DI

PENDALAMAN TELAH
BERSENGKETA DENGAN
ALEXANDER BALAS DAN
MEMANCUNG
KEPALANYA KEMUDIAN
MENGHANTARNYA KE
PTOLEMY (المكابيون، الأول،)
الإصحاح الحادي عشر الآية 15 وما
بعدها).
SESETENGAH AHLI
SEJARAH BERPENDAPAT
BAHAWA TAURAT
KADANG-KADANG TIDAK
MENYEBUT NAMA
BANGSA ARAB INI
SECARA TERUS, TAPI
MENGUNAKAN KAEDAH
SIMBILOK ATAU
KINAYAH SEPERTI BANI
KADEM YANG
BERMAKNA ANAK-ANAK
TIMUR YANG BERMAKNA
MEREKA YANG MENETAP
DI PENDALAMAN SYRIA.
MEREKA INI ADALAH
BERBANGSA ARAB
YANG SEKIAN LAMA
SEBELUM MASEHI. ADA
YANG BERPENDAPAT
BAHAWA MEREKA INI

BERASAL DARI KETURUNAN ARAM BIN SAM BIN NUH (HASTINGS, P.200, THE BIBLE DICTIONARY, 1, P.177).	